

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPE 334 Kaedah Analisa Perancangan I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Bincangkan tujuan analisis dan unjuran perancangan dalam konteks berikut:-
 - (a) Peringkat matlamat dan objektif
 - (b) Peringkat bincian dan analisis
 - (c) Peringkat unjuran dan penilaian
 - (d) Peringkat Pemilihan pelan

(25 Markah)
2. Huraikan LIMA (5) model atau kaedah unjuran penduduk untuk jangka pendek.

(25 Markah)
3. Berdasarkan maklumat yang disediakan unjurkan jumlah penduduk termasuk bayi, kumpulan umur dan jantina untuk 10 tahun yang akan datang.

(25 Markah)

...2/-

Kumpulan Umur	Kadar Kehidupan		Kadar Kelahiran Hidup	Saiz Kohort Lelaki (1000)	Saiz Kohort Perempuan (1000)
	Lelaki	Perempuan			
0 - 14	0.90	0.90	-	25	15
15 - 29	0.85	0.90	0.95	20	18
30 - 44	0.65	0.75	1.40	12	14
45 - 59	0.55	0.65	-	10	12
60 +	0.25	0.35	-	5	6

* Beberapa andaian boleh dibuat

4. Bincangkan DUA (2) kaedah untuk menentukan keperluan perumahan masa depan. Di samping mengemukakan beberapa andaian yang perlu, jawapan anda sepatutnya mengambil-kira antara lain:

- (a) Kekurangan perumahan sedia ada
- (b) Keperluan penggantian perumahan segera
- (c) Keperluan penggantian perumahan biasa
- (d) Keperluan isirumah tambahan


(25 Markah)

5. Rajah dan Jadual di bawah mencerminkan beberapa aktiviti perancangan. Rajah A meringkaskan tentang proses kajian Impak Alam Sekitar. Manakala Jadual A meringkas peningkatan penduduk, pekerjaan dan gunatanah. Analisiskan maklumat tersebut di samping menunjukkan implikasinya terhadap perancangan.

(25 Markah)

... 3 / -

RAJAH A : Proses Kajian Impak Alam Sekitar



Jadual A : Penduduk, Pekerjaan dan Guna Tanah

(i) Penduduk Bandar A

Tahun	Penduduk Baru Kawasan Bandar %
1980	35.0
1985	37.7
1990	40.0
1995	42.7
2000	45.6
2005	48.6
Jumlah	236,347

(ii) Keperluan Tambahan Mengikut Jenis Guna Tanah Bandar A

Guna Tanah	Tahun 2005 Hekter
Perumahan	392
Kemudahan Awam	51
Rekreasi	214
Perdagangan	14

(iii) Pekerjaan Dalam Sektor Pembuatan Bandar A

Tahun	Jumlah Pekerjaan	Purata Kadar Pertumbuhan %
1970	48,336	-
1980	53,621	8.1
1985	57,800	5.4

... 5/-

6. Berikut merupakan kaedah-kaedah yang sering digunakan untuk penilaian dan pemilihan sesuatu pelan atau projek.

Huraikan penggunaan DUA (2) daripada kaedah tersebut.

- (a) Analisis ekonomi
- (b) Analisis matriks pencapaian matlamat
- (c) Analisis Imbangan Duga
- (d) Analisis impak persekitaran

(25 Markah)

-00000000-